

D474

U 8665 AAB
MAHATHIR - ZHEJIANG
DARIPADA MUSA SCULLY
(I)

HANGZHOU (WILAYAH ZHEJIANG), 25 NOV (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN SUPAYA DIPERTINGKATKAN HUBUNGAN DAGANG SECARA LANGSUNG ANTARA MALAYSIA DENGAN WILAYAH ZHEJIANG YANG PALING TERKEMUKA DI BIDANG PERTANIAN DI CHINA.

BELIAU MENYARANKAN DEMIKIAN DI MAJLIS MAKAN TENGAH HARI MERAIKAN BELIAU OLEH GABENOR WILAYAH ITU, XU JU SEBELUM BERMULANYA PERBINCANGAN ANTARA AHLI-AHLI PERNIAGAAN MALAYSIA DENGAN RAKAN MEREKA DARI WILAYAH ITU.

BELIAU BERKATA TERDAPAT BANYAK PELUANG BAGI KERJASAMA EKONOMI DAN HOTEL HANGZHOU, YANG DIDIRIKAN OLEH KUMPULAN KUOK BROTHERS DAN DIURUSKAN OLEH SHANGRI-LA INTERNATIONAL HOTELS ADALAH BUKTI JELAS KERJASAMA SEUMPAMA ITU.

DATUK SRI DR MAHATHIR BERKATA SELAIN TERKENAL SEBAGAI SALAH SEBUAH BANDAR TERCANTIK DI CHINA, HANGZHOU JUGA MERUPAKAN PUSAT PERINDUSTRIAN DAN PERTANIAN CHINA. - LAGI.
1723MST 25 11 85

D475

U 8666 AAB
MAHATHIR - ZHEJIANG 2 HANGZHOU
(I)

BELIAU BERKATA MALAYSIA MENGIMPORT BANYAK HASIL PERTANIAN DARI CHINA TETAPI TERLALU KURANG PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG.

SEBELUM ITU PERDANA MENTERI, YANG BERADA PADA HARI KELIMA DALAM SIRI LAWATAN RASMI SEMBILAN HARI KE CHINA BERSAMA SEROMBONGAN 200 KEBANYAKANNYA AHLI PERNIAGAAN MENAIKI BOT DI SEBUAH TASIK, WEST LAKE.

TARIKAN UTAMA BANDAR INI YANG PERNAH DISIFATKAN OLEH MARCO POLO SEBAGAI + BANDAR SYURGA DI DUNIA +, IALAH TASIK TERSEBUT YANG SELUAS 5.6 KILOMETER PERSEGI DAN DIPENUHI DENGAN PELBAGAI BENTUK ASTAKA, POHON-POHON, JAMBATAN-JAMBATAN TUA DAN RATUSAN POKOK KIAMBANG. -
BERNAMA.

1725MST 25 11 85